



GLOW RUN

START

CHARITY

EVENT ORGANISER  
50 ANNIVERSARYOFFICIAL SPONSOR  
99 WELLAWAY

B BRAUN SHARING EXPERTISE

EMERSON

FRESENIUS MEDICAL CARE

HARIBO

ICE MOUNTAIN

PLUS

SEBAHAGIAN daripada 3,000 peserta yang menyertai NKF Glow Run di Taman Ekspo Pertanian Malaysia Serdang (MAEPS), Serdang baru-baru ini.

# Larian amal kumpul dana

**S**EMPENA ulang tahun ke-50, Yayasan Buah Pinggang Kebangsaan Malaysia (NKF) telah menganjurkan NKF Glow Run di Taman Ekspo Pertanian Malaysia Serdang (MAEPS), Serdang, Selangor baru-baru ini.

Dengan pancaran sinaran berwarna-warni, acara larian amal sejauh lima kilometer itu disertai oleh 3,000 peserta.

NKF Glow Run dianjurkan bagi mempromosikan kesihatan buah pinggang dalam kalangan orang muda dan pada masa yang sama meningkatkan kesedaran mengenai penyakit kronik itu dengan pelbagai aktiviti menyeronokkan.

Sambil berlari, peserta akan disimbah dengan cecair neon berwarna-warni menghasilkan sinaran cahaya di sepanjang larian sekali gus menambahkan lagi kemeriahan acara tersebut.

Pada kemuncak acara itu, peserta akan menemui stesen tanglung yang dihiasi lampu dan pada masa sama menyediakan ruang penyampaian mesej mengenai ginjal serta menjadi salah satu tempat menarik untuk merakam gambar.

Keseluruhan acara itu memberikan peluang bergambar yang menarik dengan diterangi lampu diod pancaran cahaya (LED), trak makanan dan festival muzik yang menampilkan deejay terkemuka di Malaysia, DJ Alexis Grace.

Turut diadakan adalah pameran konvoi kereta mewah seperti kereta sport dan Volkswagens serta motosikal



TARIAN kecergasan turut diadakan sebelum peserta berlari sejauh lima kilometer bagi memberi sokongan kepada promosi kesihatan buah pinggang.

berkuasa tinggi, Harley Davidson.

## Dana

Ketua Pegawai Eksekutif NKF, Chua Hong Wee berkata, acara itu membawa mesej yang sangat serius mengenai kepentingan mencegah penyakit buah pinggang serta meningkatkan kesedaran untuk mendapatkan dana bagi 1,700 pesakit dialisis.

“Sehubungan itu, pasukan NKF dan rakan-rakan strategik bekerja keras untuk memastikan NKF Glow Run berjalan dengan meriah dan unik.

“Acara tersebut dianggap berjaya apabila mengumpul dana sebanyak RM120,000 dan tiga mesin dialisis bernilai RM121,900,” terangnya dalam satu kenyataan akhbar baru-baru ini.

Kesemua hasil yang diperoleh daripada acara NKF Glow Run disalurkan bagi memberi

subsidi rawatan dialisis untuk lebih 1,700 pesakit miskin yang sedang menjalani rawatan di 28 pusat dialisis NKF di seluruh Malaysia.

Pada acara tersebut turut menyaksikan penyerahan tiga mesin dialisis oleh Kelab Motosikal H.T.C., Global Heal Group dan Next Drive & Friends.

Kini, terdapat lebih 50,000 pesakit dialisis di Malaysia dengan 7,000 pesakit baharu setiap tahun.

Jumlah itu dianggarkan meningkat dua kali ganda pada tahun 2040 menjadikan Malaysia sebagai negara ketiga tertinggi pesakit buah pinggang di dunia.

Untuk maklumat lanjut mengenai aktiviti NKF atau ingin memberi sumbangan derma, orang ramai boleh melayari laman web <http://www.nkf.org.my> atau menghubungi talian 03-7954 9048.